

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
(BATU GAJAH)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada industri pembuatan peluru tempatan dapat memenuhi permintaan atau keperluan Angkatan Tentera Malaysia. Nyatakan jumlah dana yang terpaksa dibelanjakan oleh Kerajaan untuk tujuan mengimport peluru setiap tahun.

**JAWAPAN**

Secara umumnya, Kementerian Pertahanan menerima perolehan peluru melalui syarikat-syarikat tempatan dan luar negara. Ini adalah kerana pada masa ini, bilangan syarikat tempatan dan keupayaan mereka dalam membekalkan peluru untuk kegunaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah terhad.

Peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan bagi perolehan peluru yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan dan juga yang diimport dari luar negara melalui kontraktor tempatan dalam tempoh 4 tahun (2015-2018) adalah berjumlah RM228 juta.